

02 OCT 1998

DR MAHATHIR SAMPAIKAN ANUGERAH DI KOLEJ LAMANYA

ALOR SETAR, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan Anugerah Iskandar dan merasmikan makmal komputer Kolej Sultan Abdul Hamid, di sini.

Turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Anugerah, yang namanya diambil sempena nama pengetua pertama kolej itu pada 1908, diberikan kepada pelajar cemerlang dalam pelbagai bidang.

Dr Mahathir pernah belajar di kolej itu yang merupakan sekolah menengah elit di Kedah yang telah melahirkan ramai tokoh pemimpin.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir yang juga Anggota Parlimen Kubang Pasu mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Barisan Nasional dalam kawasan parlimennya, diikuti bersembahyang Jumaat di Masjid Guar Napai, Jitra.

Pada sebelah petang beliau akan diberi taklimat mengenai pembangunan di daerah Kubang Pasu di Pejabat Daerah.

Acara kemuncak lawatannya adalah majlis bersama rakyat yang diadakan di Dewan Jitra. Dalam ucapannya, Dr Mahathir dijangka memberi penerangan mengenai pemecatan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim serta langkah pemulihan ekonomi yang telah diambil oleh kerajaan.

-- BERNAMA

JM RHM